



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

LAPORAN CMeOSH SPEARHEADING

"THE EOSH EXCELLENCE"

TAHUN
2024



 cmeosh@umk.edu.my

 <http://cmeosh.umk.edu.my>

LAPORAN CMeOSH SPEARHEADING

"THE EOSH EXCELLENCE"

TAHUN
2024

PUSAT PENGURUSAN PERSEKITARAN,
KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(CMeOSH, UMK)

HAK CIPTA

Hak cipta UMK, 2025

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Universiti Malaysia Kelantan.

Judul: LAPORAN CMeOSH SPEARHEADING "THE EOSH EXCELLENCE"
No. eISBN : 978-629-95924-2-6

Diterbitkan oleh:

Penerbitan Korporat UMK
Bahagian Pengurusan Galeri, Laman Web dan Penerbitan
Pusat Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan
16100 Bachok
Kelantan Darul Naim

No. Tel: 09 - 779 7015
E-mel: bpk.pkk@umk.edu.my
Website : corporate.umk.edu.my

Disediakan oleh:

Pusat Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok
Kelantan darul Naim

No. Tel: 09 - 779 7400
E-mel: cmeosh@umk.edu.my
Website: <https://cmeosh.umk.edu.my/>

ISI

KANDUNGAN

07	Nukilan Mantan Naib Canselor	11	Latar Belakang CMeOSH
08	Nukilan Pengarah CMeOSH	12	Misi & visi CMeOSH
09	Transformasi & Unjuran CMeOSH	13	Pengadaan Maklumat, Arahan Latihan Dan Penyeliaan
10	Carta Organisasi CMeOSH	30	Mewujudkan Pengiktirafan Pengantarabangsaan KKP Perjenamaan, Dan Budaya

NUKILAN MANTAN NAIB CANSELOR

Pengerusi Jawatankuasa Persekitaran, Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Induk (JPKKPI) UMK

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, dengan izin dan rahmat Allah, kita berjaya menyelesaikan tahun 2024 dengan pencapaian cemerlang dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di UMK. Tahun ini menyaksikan kemajuan signifikan dalam mengukuhkan komitmen terhadap keselamatan dan kesihatan selaras dengan misi UMK untuk menyediakan persekitaran kampus yang selamat.

Sebagai universiti yang berfokus pada keusahawanan, UMK terus komited dalam mentransformasi KKP dengan Pusat Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (CMeOSH) memainkan peranan penting. CMeOSH dijangka menjadi pemangkin kepada amalan KKP yang lebih baik di IPT, industri dan masyarakat.

Pencapaian UMK termasuk Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Kebangsaan (Kategori Mentor dan Mentee) serta Anugerah Kecemerlangan KKP dalam bidang Kesihatan Pekerja oleh KESUMA menunjukkan komitmen UMK terhadap keselamatan pekerjaan.

Saya menyeru semua pihak di UMK untuk terus bekerjasama demi mencapai kejayaan lebih besar mewujudkan persekitaran yang lebih selamat, sihat dan berdaya saing.

Terima kasih. Marilah kita bersama-sama bergerak ke arah masa depan yang cemerlang dan selamat.



**YBhg. Dato' Prof (B). Dr. Razli
Bin Che Razak**

Mantan Naib Canselor

(bersara pada 23 November 2024)

NUKILAN PENGARAH

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, sepanjang tahun 2024, Pusat Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH) UMK telah mencapai pelbagai kejayaan yang membanggakan. Usaha berterusan dalam memperkukuhkan budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan warga universiti dan komuniti sekeliling menjadi fokus utama kami. Dedikasi dan komitmen staf CMeOSH adalah penggerak utama kejayaan ini.

Pelbagai inisiatif seperti latihan, seminar kesedaran, dan program-program lain telah dilaksanakan dengan jayanya tahun ini. Pencapaian ini merupakan hasil kerjasama erat antara staf, pelajar, dan pihak pengurusan universiti. CMeOSH juga terus memperkukuh kedudukannya sebagai pusat rujukan dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Di luar universiti, CMeOSH telah diiktiraf sebagai Pusat Kecemerlangan dalam bidang Higien Industri dan Ergonomik oleh Kementerian Sumber Manusia. Selain itu, CMeOSH juga menerima Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2023 untuk Kategori Mentor & Mentee (Mentor), satu penghargaan yang menunjukkan komitmen kami dalam mempromosikan budaya kerja yang selamat dan sihat.

Kami percaya bahawa usaha berterusan untuk meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan akan memberikan impak positif kepada komuniti UMK dan masyarakat. Terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan. Bersama-sama, kita akan terus berusaha untuk mencipta persekitaran kerja yang lebih selamat dan kondusif.



**Ts. Dr. Darliana
Binti Mohamad**

Pengarah
Pusat Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan
Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH)

TRANSFORMASI & UNJURAN CMEOSH



FASA 1

2009 – 2014 (UKKP)

- Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP) ditempatkan di bawah Bahagian Keselamatan, Pejabat Pendaftar
- UKKP ditubuhkan pada 18 Mac 2009
- JKPP Induk Universiti diwakili oleh ketua PTj/ & Dekan (Wakil Majikan), Pendaftar (Setiausaha) dan YBhg. Prof Dato' Naib Canselor (Pengerusi)

FASA 2

2014 – 2019 (UPPKP/EOSH MU)

- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) pada 19 Jun 2014 telah meluluskan cadangan penjenamaan dan penstrukturan UKKP kepada Unit Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UPPKP)
- Penguatkuasaan Perundangan AKKP1994, AKJ1967 dan AKAS1974 di UMK
- Penjenamaan UPPKKP kepada Pusat Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH) dibawah Pejabat Naib Canselor pada 30 September 2018
- Pemenang Anugerah Cemerlang KKP Kebangsaan 2018
- Pensijilan ISO 45001:2018

FASA 3

2020 – 2025 (PPPKKP/CMeOSH)

- Menjadi pusat rujukan KKP kepada UA lain dan agensi luar
- Menjadi Pusat Kecemerlangan di dalam bidang KKP
- Perkhidmatan konsultansi KKP kepada pihak luar
- Penyedia Latihan KKP yang berdaftar di bawah DOSH

CARTA ORGANISASI CMeOSH



LATAR BELAKANG CMEOSH



Pusat Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH) di UMK berperanan sebagai penasihat kepada pihak pengurusan universiti dalam memastikan pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Sejak penubuhannya pada tahun 2014, CMeOSH telah mencapai pelbagai kejayaan yang signifikan, antaranya:

- Anugerah Amalan Terbaik Systematic Occupational Health Enhancement Level Programme (SOHELP) peringkat Negeri Kelantan pada tahun 2018.
- Anugerah Cemerlang Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara Peringkat Kebangsaan Kategori Institut Pendidikan Tinggi (IPT) 2018.
- Pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (ISO 45001:2018) OHSMS, yang mengiktiraf sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang memenuhi piawaian antarabangsa.
- Tempat Pertama dalam Kategori Tempat Kerja Terbaik SOHELP DIY (Verifier) pada tahun 2023.
- Pengiktirafan sebagai OSH COE oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) pada tahun 2024.
- Anugerah Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2023 Kategori Mentor - Mentee (Mentor)



Selain itu, CMeOSH turut menyediakan perkhidmatan perundingan KKP kepada industri dan komuniti yang merangkumi pelbagai perkhidmatan seperti pemantauan Hygien industri, penyelidikan KKP, perundingan, dan latihan.

MISI

Menyediakan aktiviti/ program/ latihan KKP yang relevan selari dengan keperluan perundangan;

Menjalankan penyelidikan dan inovasi berkaitan KKP yang mempunyai nilai komersial yang tinggi; dan

Menyediakan perkhidmatan perundingan KKP kepada pihak luar.



VISI


Menjadi peneraju dalam pembangunan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)

PENGADAAN MAKLUMAT, ARAHAN LATIHAN DAN PENYELIAAN SEBAGAIMANA YANG PERLU UNTUK MEMASTIKAN PEMATUHAN KEPADA AKKP 1994 (PINDAAN 2022) DAN AKAS 1974 DI SEMUA PTJ / FAKULTI



STATISTIK MESYUARAT JPKKPI UMK BAGI TAHUN 2014-2024

39




Dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Prof . Dr. Naib Canselor UMK dan dibantu oleh :-

- 14 wakil majikan;
- 14 wakil pekerja yang terdiri daripada semua pusat tanggungjawab (PTj)/ fakulti & merangkumi ketiga- tiga kampus; dan
- Pakar - pakar mengikut bidang

**MESYUARAT JAWATANKUASA PERSEKITARAN,
KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN INDUK
(JPKKPI) UMK**

CARTA JAWATANKUASA PERSEKITARAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN INDUK (JPKKPI) UMK



MESYUARAT JAWATANKUASA PERSEKITARAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN INDUK (JPKKPI) UMK



MESYUARAT JAWATANKUASA PERSEKITARAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN PERINGKAT PFJ/ FAKULTI



UMK SAFETY PASSPORT



Kursus UMK Safety Passport dihadiri oleh kontraktor dan pekerja yang terlibat dalam kerja-kerja di UMK.

Tujuannya adalah untuk memberikan pendedahan mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP), mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, serta meningkatkan kesedaran KKP di kalangan majikan dan pekerja mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 dan Pindaan 2022, selaras dengan komitmen UMK untuk memastikan keselamatan dan kesihatan warga UMK dan pihak berkepentingan.



TAKLIMAT PENGGUNAAN SISTEM PEMERIKSAAN TEMPAT KERJA PERSEKITARAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (PKKP)

18 FEBRUARI 2024



SESI PENYERAHAN SISTEM PEMERIKSAAN TEMPAT KERJA PERSEKITARAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (PKKP)

07 APRIL 2024



PEMONITORAN HIGIEN INDUSTRI



Pemantauan Kualiti Udara Dalam (IAQ) di Galeri Canselori, UMK Bachok

Pemantauan Kualiti Udara Dalam (IAQ) di Bahagian Keselamatan, UMK Bachok



PEMONITORAN HIGIEN INDUSTRI

Pemantauan Kualiti Udara Dalam di Bahagian Keselamatan, UMK Bachok



Pemantauan Bunyi Bising di Fakulti Perubatan Veterinar, UMK Kampus Kota



KURSUS ORGANISASI KESELAMATAN KEBAKARAN (OKK/ERT)

16 JULAI 2024



KURSUS PENGURUSAN PERSEKITARAN : PROTECTING OUR PLANET TOGETHER

12 OGOS 2024



Pusat Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH) dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Dan Kecemerlangan Bakat telah mengadakan Kursus Pengurusan Persekitaran : Protecting Our Planet Together yang dihadiri oleh 30 orang peserta.

Objektif penganjuran kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan berkaitan pengurusan persekitaran.



KURSUS PENGURUSAN MENTAL DI TEMPAT KERJA

25 FEBRUARI 2024



Universiti Malaysia Kelantan melalui Pusat Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH) dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Dan Kecemerlangan Bakat telah mengadakan Kursus Pengurusan Mental Di Tempat Kerja yang dihadiri oleh 30 orang peserta.

Penceramah kursus ini ialah YBrs. Dr. Norsayyidatina Binti Che Rozubi, Pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Objektif penganjuran Kursus Pengurusan Mental di Tempat Kerja ini bertujuan untuk memberi pendedahan bagi meningkatkan kebolehan mengurus, mengawal emosi dan tekanan di tempat kerja.

KURSUS PENYAKIT & KERACUNAN PEKERJAAN DI TEMPAT KERJA

16 DISEMBER 2024



Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melalui Pusat Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH), dengan kerjasama Bahagian Pengurusan dan Kecemerlangan Bakat, telah menganjurkan Kursus Penyakit & Keracunan Pekerjaan di Tempat Kerja yang dihadiri oleh 35 orang peserta.

Kursus ini disampaikan oleh YBrs. Dr. Ikram Rauhi bin Che Ibrahim, Pengarah Pusat Kesihatan Universiti, manakala penceramah jemputan, YBrs. Dr. Ridzuan bin Abdullah Zawawi, Pegawai Perubatan di Seksyen Kesihatan Pekerjaan JKKP Negeri Kelantan.

Objektif utama kursus ini adalah untuk mengenalpasti risiko kesihatan yang boleh timbul akibat pendedahan terhadap bahan kimia, fizikal, atau biologi di tempat kerja.

Kursus Pengurusan KKP Cekap Di Tembat Kerja

16 OKTOBER 2024

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melalui Pusat Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH) dengan kerjasama Bahagian Pengurusan dan Kecemerlangan Bakat, telah menganjurkan Kursus Pengurusan KKP Cekap di Tempat Kerja yang dihadiri oleh 20 orang peserta.

Kursus ini disampaikan oleh Encik Khairool Anwar Bin Khalid, Puan Salma Binti Mat Rifin dan Encik Wan Mohamad Nasir Bin Wan Omar daripada Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Negeri Kelantan.



TAKLIMAT DAN DEMOSTRASI PERALATAN HIGIEN KEPADA PELAJAR FAKULTI SAINS BUMI (FSB), UMK KAMPUS JELI

8 MEI 2024



Kursus Hazard Identification, Risk Assessment And Opportunity

20 FEBRUARI 2024



PROGRAM KKP ANJURAN FSB

Bengkel Pengenalan Kepada Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Dan Pengendalian Bahan Kimia 5.0

25 - 26 NOVEMBER 2024



MEWUJUDKAN PERJENAMAAN, PENGIKTIRAFAN DAN PENGANTARABANGSAAN BUDAYA KKP



UMK JUARA KEJOHANAN TENPIN BOLING JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 2024

18 FEBRUARI 2024



Universiti Malaysia Kelantan (UMK) muncul juara Kejuhanan Tenpin Boling JKKP Negeri Kelantan 2024 di Lite SuperBowl JB Tunjong, Mydin Mall Kota Bharu dengan jatuhan pin sebanyak 1,571. Pasukan UMK membawa pulang wang tunai RM1,200, hamper, dan sijil penyertaan.

Kejayaan ini menyingkirkan gelaran Naib Juara Kejuhanan JKKP 2023 yang dimenangi mereka sebelum ini. UMK diwakili oleh Puan Siti Suhaila binti Mohd Nawawi, Encik Amir Zul Fahmi bin Zulkepli, dan Encik Khairul Azhan bin Zakri.

KUNJUNGAN HORMAT CMEOSH, UMK KE JKPP NEGERI KELANTAN

3 MAC 2024



Universiti Malaysia Kelantan melalui Pusat Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH) telah mengadakan Kunjungan Hormat ke Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKPP) Negeri Kelantan. Kunjungan hormat ini diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) iaitu YBhg. Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah.

Tujuan kunjungan hormat ini adalah untuk membincangkan kerjasama dan kolaborasi bagi program dan kepakaran dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia, Pantai Timur dan Negeri Kelantan khususnya.

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA NIOSH WILAYAH PANTAI TIMUR (KELANTAN)

17 MEI 2024



MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM SEE ME OSH @ UMK 2.0 TAHUN 2024

22 OGOS 2024



Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Prof. Naib Canselor. Program ini dilaksanakan sempena sambutan Hari Sedunia Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pada 28 April dan Minggu Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan pada minggu kedua bulan Julai setiap tahun.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang program antaranya kursus berkaitan KKP, OSH Virtual Run, Pertandingan Video KKP, Creative Safety Corner, Poster KKP dan Seminar KKP Efektif Di Tempat Kerja.



MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM SEE ME OSH @ UMK 2.0 TAHUN 2024



Pengisian bagi majlis penutupan tersebut telah diadakan senamrobik dan cabutan bertuah, manakala bagi aktiviti kemuncak adalah penyampaian hadiah kepada pemenang yang menyertai pertandingan sepanjang program berlangsung sejak Mei sehingga Julai 2024. Tahniah kepada semua pemenang.



PERTANDINGAN VIRTUAL RUN BAGI PROGRAM SEE ME OSH @ UMK 2.0



TEMPAT PERTAMA

Pertandingan virtual run ini telah berlangsung bermula 10 sehingga 30 Jun 2024 yang mana penyertaan terbuka kepada warga UMK, pelajar dan orang awam.

Pemenang dinobatkan melalui jumlah larian terkumpul dalam tempoh tersebut.



TEMPAT KEDUA



TEMPAT KETIGA

PENERIMA SAGUHATI BAGI PERTANDINGAN VIRTUAL RUN



PERTANDINGAN POSTER KKP BAGI PROGRAM SEE ME OSH @ UMK 2.0

Pertandingan poster KKP merupakan kali pertama diadakan dalam Program SEE ME OSH @ UMK yang mana penyertaan daripada staf dan juga pelajar UMK. Poster yang dibuat adalah merujuk kepada kategori hazard yang dipilih oleh peserta.



TEMPAT PERTAMA : DR. NURUL SYAZANA ABDUL HALIM - FAKULTI SAINS BUMI



TEMPAT KEDUA : HAKIMY RIDUAN BIN AB KADIR
PUSAT PENDIDIKAN LUAR UMK (UMKCEE)



TEMPAT KETIGA: ENCIK JAZLY HAKIME BIN MOHD BARDURDIN
PELAJAR FAKULTI SAINS BUMI

PERTANDINGAN CREATIVE SAFETY CORNER BAGI PROGRAM SEE ME OSH @ UMK 2.0

Pertandingan ini terbuka kepada semua PTj/ Fakulti. Kriteria pertandingan merangkumi hebahan yang dipamerkan di ruang safety corner termasuklah dasar KKP, carta organisasi JPKKP PTj, maklumat emergency response plan (ERP) dan turut dinilai adalah dari segi kreativiti dan inovasi.



TEMPAT PERTAMA : FAKULTI SENIBINA DAN EKISTIK



TEMPAT KEDUA : PEJABAT PENDAFTAR



TEMPAT KETIGA: FAKULTI PERUBATAN VETERINAR

PERTANDINGAN VIDEO KKP BAGI PROGRAM SEE ME OSH @ UMK 2.0



TEMPAT PERTAMA : CHO YEN CHIE – PELAJAR FAKULTI SAINS BUMI



TEMPAT KETIGA: SITI NAZIHAH BINTI MOHD SHUKRI PELAJAR - FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN



TEMPAT KEDUA : AIN SUHAILA BINTI IDRIS
PELAJAR - FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

Video KKP daripada peserta adalah mengikut kategori Hazard yang dipilih iaitu hazard kimia, biologikal, fizikal, ergonomik dan psikososial. Pertandingan ini juga terbuka kepada penyertaan staf, pelajar dan orang awam.

KATEGORI KHAS (KOMITMEN PTJ) BAGI PROGRAM SEE ME OSH @ UMK 2.0



Pejabat Bendahari telah menyertai kesemua pertandingan yang dianjurkan iaitu pertandingan Virtual Run, Poster KKP, Video KKP dan juga Creative Safety Corner. Komitmen yang ditunjukkan adalah sangat baik dan boleh menjadi contoh kepada PTj/ Fakulti lain.

CABUTAN BERTUAH BAGI PROGRAM SEE ME OSH @ UMK 2.0



SEMINAR PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP) EFEKTIF DI TEMPAT KERJA

6 OGOS 2024

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melalui Pusat Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH) telah menganjurkan Seminar Pengurusan Keselamatan, Kesihatan Dan Pekerjaan (KKP) Efektif Di Tempat Kerja bagi Program See Me OSH@UMK 2.0 Tahun 2024 sempena World OSH Day dan OSH Week dengan kerjasama Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Negeri Kelantan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Cawangan Kelantan, PERKESO Cawangan Kelantan dan Human Factors and Ergonomics Society Malaysia (HFEM).

Penglibatan peserta seramai 70 orang daripada pelbagai industri luar termasuk Pengamal Keselamatan, Kontraktor, Kolej Vokasional, Institut Latihan Perindustrian serta staf dan pelajar UMK. Seminar ini dirasmikan oleh YBrs. Pendaftar UMK



MESYUARAT MAJLIS BERSAMA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI/ INTITUSI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (MBKKP IPT /IPP)

24 JUN 2024



Mesyuarat Majlis Bersama Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Institusi Pengajian Tinggi/ Intitusi Penyelidikan Dan Pembangunan (MBKKP IPT /IPP) Bil. 37 (1/2024) di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

LAWATAN PENANDA ARAS

22 JULAI 2024



Lawatan Penanda Aras dari Pejabat Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan, Universiti Putra Malaysia (UPM) yang diwakili oleh Pengarah YBrs. Prof. Madya Dr. Ng Yee Guan.

UMK DIANUGERAHKAN SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (COE KKP) DALAM BIDANG KESIHATAN PEKERJAAN BAGI HIGIEN INDUSTRI DAN ERGONOMIK

3 SEPTEMBER 2024



Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melalui Pusat Pengurusan Persekitaran Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH) telah diberi penghormatan sebagai penerima Anugerah Kecemerlangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Centre of Excellence) COE KKP dalam bidang Kesihatan Pekerjaan Bagi Higiien Industri dan Ergonomik oleh Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).



Majlis penyampaian anugerah telah disempurnakan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Dato' Sri Khairul Dzaimie Daud kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah, mewakili YBhg. Dato' Prof. Naib Canselor UMK bersempena Konvensyen Pendidikan dan Penyelidikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) 2024, di Bangi Avenue Convention Centre, Selangor.



LAWATAN KERJA KOLEJ VOKASIONAL BACHOK (MENTEE) BAGI PERKONGSIAN MAKLUMAT PELAKSANAAN AUDIT ANUGERAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA (PERINGKAT KEDUA) 2023

1 OGOS 2024



PENILAIAN AWAL AUDIT ANUGERAH KKP NEGARA 2023 DARIPADA JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGERI KELANTAN

21 MAC 2024



AUDIT ANUGERAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA 2023 – KATEGORI MENTOR & MENTEE

7- 8 OGOS 2024



Universiti Malaysia Kelantan telah dicalonkan oleh Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Majlis Negara bagi Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (NCOSH) bagi Audit Anugerah Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2023 Kategori Mentor & Mentee (Mentor -UMK / Mantee - Kolej Vokasional Bachok).

AUDIT ANUGERAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA 2023 – KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (CEO AWAM) KKP

19 SEPTEMBER 2024



YBhg. Dato' Prof. Dr. Razli Bin Che Razak (Naib Canselor UMK) telah dicalonkan bagi Kategori Ketua Pegawai Eksekutif (CEO Awam) Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) bagi anugerah ini yang mana audit telah berlangsung pada 19 September 2024 (Khamis).

UMK MENANG ANUGERAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA TAHUN 2023 BAGI KATEGORI MENTOR & MENTEE (MENTOR)

12 NOVEMBER 2024





Tahniah kepada Universiti Malaysia Kelantan (UMK) di atas kejayaan merangkul Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara Tahun 2023 dalam Kategori Mentor & Mentee (Mentor). Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Menteri Sumber Manusia, YB En. Steven Sim Chee Keong, kepada Naib Canselor UMK, Dato' Prof. Dr. Razli Che Razak, yang diiringi oleh Pengarah CMeOSH, Ts. Dr. Darliana Mohamad, pada 12 November 2024 di Courtyard by Marriott Kuala Lumpur South.

Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (National OSH Award) merupakan pengiktirafan yang amat berprestij di Malaysia. Ia memberi penghargaan kepada organisasi-organisasi dari pelbagai sektor industri yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di tempat kerja. Tahun ini, sebanyak 313 penyertaan dipertandingkan dalam 29 kategori.

AUDIT DALAM PENSIJILAN ISO 45001: 2018 BAGI TAHUN 2024

9 JULAI 2024



Pusat Pengurusan Persekitaran, Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH) telah mengadakan proses audit dalaman bagi Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MOSH) ISO 45001:2018 yang telah dikendalikan oleh Pasukan Audit Dalam (PAD) Universiti Malaysia Kelantan (UMK).



AUDIT PENGAWASAN PENSIJILAN ISO 45001: 2018 DARIPADA NIOSH CERTIFICATION SDN.BHD

5 NOVEMBER 2024



Universiti Malaysia Kelantan melalui Pusat Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH) telah berjaya menjalani Audit Pengawasan Kali Ke-2 (2nd Surveillance Audit) bagi Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ISO 45001:2018 OHSMS oleh NIOSH Certification Sdn. Bhd.

Audit pengawasan ini telah mencatatkan pencapaian ZERO NCR di UMK.

ANUGERAH CEMERLANG PERSEKITARAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN UMK (EOSH AWARD) BAGI TAHUN 2023

26 JUN 2024



Tahniah Bahagian Keselamatan Atas Penerimaan Anugerah Cemerlang Persekitaran Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan UMK (EOSH AWARD) Bagi Tahun 2023



Anugerah ini dianugerahkan kepada PTj/ Fakulti yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam memastikan persekitaran, keselamatan dan kesihatan di tempat kerja melalui pemeriksaan tempat kerja yang telah dilaksanakan setiap tiga (3) bulan sekali oleh Jawatankuasa JPKKPI, UMK.

SEMINAR HEBAHAN AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PINDAAN AKKP 2022 DAN PEMANSUHAN AKJ 2022

23 MEI 2024



Seminar ini dirasmikan oleh Yang Berusaha Ir. Hj. Noorazman bin Soud, Pengarah JKPP Terengganu.

Seminar ini telah dihadiri oleh para peserta dari pelbagai industri di Pantai Timur

Hari Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Politeknik Dan Kolej Komuniti

23 SEPTEMBER 2024



Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah dijemput sebagai Pembentang Sempena Hari Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Politeknik Dan Kolej Komuniti Zon Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



**PUSAT PENGURUSAN PERSEKITARAN,
KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(CMeOSH) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN,
16300 BACHOK KELANTAN, MALAYSIA.**

No. Tel: 09-7797773/ 09-7797772



cmeosh@umk.edu.my



<http://cmeosh.umk.edu.my>

SIDANG EDITORIAL

PENASIHAT

Dato' Prof. Dr. Razli bin Che Razak
Mantan Naib Canselor UMK

KETUA EDITOR

Ts. Dr. Darliana binti Mohamad
Pengarah Pusat Pengurusan
Persekitaran, Keselamatan dan
Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH)

EDITOR

Norhidayu binti Noruddin
Asma Salsabila binti Che Shaffie

Encik Ahmad Farhan Shauki bin Sulong
Encik Mohd Khalid bin Ab Kadir @ Musa
Encik Mohamad Fazli bin Muhamad @ Che
Abas
Ahli Jawatankuasa Persekitaran, Keselamatan
dan Kesihatan Pekerjaan Induk (JPKKPI) UMK



2024



e ISBN 978-629-95924-2-6



9 786299 592426

 cmeosh@umk.edu.my

 <http://cmeosh.umk.edu.my>